

# Potensi jualan

BM - 22/6/07  
Malaysia,

## Russia RM57.5j

**M**OSCOW: Pertemuan perniagaan berlangsung antara ahli perniagaan Malaysia dan Russia di Moscow menghasilkan potensi jualan produk dan perkhidmatan bernilai RM57.5 juta.

Pengerusi Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade), Tan Sri Halim Mohamad, berkata berdasarkan angka itu, potensi jualan dan produk termasuk minyak kelapa sawit, makanan tambahan kesihatan, kosmetik, perabot dan makanan dianggarkan bernilai RM43 juta.

"Bagi khidmat profesional dan perundingan pengurusan projek, potensi jualannya bernilai RM14.5 juta," katanya.

Pertemuan itu sebahagian daripada program perniagaan berbilang langsung sempena lawatan rasmi tiga hari Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ke Russia.

"Lawatan itu mengorak langkah untuk usahawan kita memanfaatkan pelbagai peluang perniagaan di Russia, terutama dalam bidang makanan halal, perabot, bahan pembinaan dan sektor perkhidmatan," katanya kepada pemberita di Moscow.

Halim berkata, seramai 354 peserta, termasuk 230 ahli perniagaan Russia, menghadiri Forum Perniagaan Malaysia-Russia di sebuah hotel di Moscow, kelmarin. Acara itu dihoskan Abdullah.

Selepas berucap pada ahli perniagaan pada forum itu, Abdullah menyaksikan majlis menandatangani lima memorandum persefahaman (MoU) antara dua syarikat Malaysia dan rakan usaha sama Russia. - Bernama